Pasaran hartanah masih catat permintaan kukuh

Pasaran hartanah negara masih mendapat permintaan yang kukuh dengan satu projek pembangunan di ibu negara mencatatkan nilai jualan RM2.5 bilion dalam tempoh hanya sehari, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming,

Beliau berkata, projek berkenaan menawarkan unit pada harga antara RM4.8 juta hingga RM12.8 juta, namun keseluruhan projek berjaya dijual dalam tempoh sehari.

"Ini menunjukkan pasaran mempunyai banyak permintaan dan rakyat masih mempunyai keyakinan terhadap pasaran hartanah.

"Namun, pemaju perlu menawarkan projek pembangunan yang tepat, di lokasi yang tepat dan pada harga yang tepat," katanya pada majlis pembukaan Pameran Hartanah Malaysia (MAPEX) 2026 di Kuala Lumpur, semalam.

MAPEX 2026 dianjurkan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA Malaysia), REHDA Selangor dan REHDA Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur).

Sementara itu, Presiden REHDA, Datuk Zaini Yusoff, berkata pemaju ketika ini berdepan cabaran ketara susulan peningkatan kos pembinaan, keperluan penyediaan infrastruktur serta kos pematuhan berkanun yang semakin tinggi.

Katanya, proses kawal selia yang semakin kompleks turut memberi tekanan kepada industri, terutama susulan perkembangan selepas konflik di Iran.

"Cabaran turut dirasai golongan muda dan individu berpendapatan tidak tetap yang menghadapi kesukaran mendapatkan pembiayaan perumahan kerana tidak mempunyai slip gaji konvensional," katanya.

Sehubungan itu, REHDA menggesa kerajaan meneroka kaedah pembiayaan perumahan yang lebih fleksibel, selain mempertimbangkan semula pelaksanaan Kempen Pemilikan Rumah (HOC) bagi merangsang pasaran hartanah.